

Pelan Hala Tuju Teknologi cipta 33,391 peluang kerja

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Pelan Hala Tuju Teknologi dan Produk Nano Negara 2021-2025 perlu diguna pakai dalam pelbagai industri selari dengan Revolusi Industri 4.0 yang dijangka mampu mencipta 33,391 peluang pekerjaan selain menyumbang RM151.5 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam tempoh lima tahun.

Bidang pertanian pintar, tenaga boleh baharu, industri halal dan teknologi perubatan serta pembangunan produk nanoteknologi adalah antara bidang yang wajar memanfaatkan pelan berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, jika usaha itu berjaya, ia akan memberi banyak faedah sosio-ekonomi kepada negara termasuk mencipta 33,391 peluang pekerjaan merangkumi pekerja berkemahiran tinggi (5,968 orang), separuh mahir (24,755 orang) dan kurang mahir sebanyak 2,668 orang.

“Pembangunan produk nanoteknologi adalah seperti vaksin, ubat terapi kanser, peranti perubatan, teknologi sensor,



ISMAIL Sabri Yaakob mempengerusikan mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC) di Putrajaya. semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

baja nano, biojisim, panel solar serta pemanis dan perasa dalam produk halal mempunyai permintaan tinggi di pasaran global yang akan melonjakkan ekonomi negara,” katanya dalam kenyataan semalam.

Perkara itu dinyatakan dalam Mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC) pertama bagi tahun ini yang dipengerusikan beliau semalam bagi membincangkan

pelbagai usaha kerajaan merakyatkan bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) sebagai pemboleh daya kepada pemanapan sosioekonomi negara.

Ia berlandaskan tiga teras utama Keluarga Malaysia iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran selari dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Mesyuarat berkenaan juga membincangkan penawaran

(modal insan) dan permintaan (pasaran pekerjaan) dalam sektor Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang memerlukan penyelesaian secara tuntas untuk meningkatkan daya saing STI negara.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan memandang serius jumlah pelajar-pelajar dalam bidang STEM yang ketika ini adalah pada kadar 47 peratus dan sains tulen sebanyak 19 peratus.

Beliau menjelaskan, minat para pelajar dalam bidang STEM perlu dipertingkatkan dan Kementerian Pendidikan diarah menerajui Hala Tuju STEM selain kepentingan mengetengahkan STI di peringkat komuniti melalui Malaysia Inovasi Sosial (MyIS).

“Usaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini adalah satu langkah baik dalam memperkasa inovasi di peringkat akar umbi yang mampu menganjalkan pengagihan ekonomi inklusif.

“Ia merangkumi semua peringkat pendapatan terutama B40 dan M40 dengan memfokuskan kepada pengaplikasian teknologi tempatan di peringkat akar umbi,” katanya.